

GARIS PANDUAN SKIM PELAJAR HOLISTIK UPSI

1. PENGENALAN

Tujuan skim ini diwujudkan adalah untuk memberi penajaan kepada pelajar-pelajar UPSI yang cemerlang dalam akademik, ko-kurikulum dan mempunyai nilai tambah yang lain bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana secara sepenuh masa. Penawaran Skim Pelajar Holistik ini sebagai panduan kepada fakulti dalam merasionalkan pelan penggantian fakulti.

2. SYARAT-SYARAT

- i. Pelajar UPSI
- ii. Warganegara Malaysia
- iii. PNGK 3.50 ke atas
- iv. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib
- v. Perlu diperakukan oleh Dekan Fakulti
- vi. Calon yang memohon perlu dibentangkan dalam mesyuarat bersama Majlis Dekan, melalui saringan (temu duga) di peringkat Fakulti dan Universiti sebelum ditawarkan di bawah skim ini.
- vii. Calon-calun tidak dibenarkan menerima sebarang bentuk penajaan daripada mana-mana penaja lain.
- viii. Tiada ikatan perjanjian dengan mana-mana pihak.
- ix. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025 (Pengajian Tinggi), pelajar juga akan dinilai berdasarkan enam (6) atribut iaitu etika dan kerohanian, kepimpinan, identiti nasional, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan.

3. PENGAJIAN

- 3.1 Peringkat pengajian adalah Sarjana sahaja dan mesti dijalankan di dalam UPSI.
- 3.2 Mod pengajian hendaklah penyelidikan penuh (Mod A) atau mod campuran (*mixed mode*) (Mod B) sahaja.
- 3.3 Syarat tumpuan pada bidang-bidang kritikal yang dikenal pasti oleh fakulti.

Contoh seperti berikut:

BIL	BIDANG	FOKUS
1	Falsafah Pendidikan	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan
2	Pengukuran dan Penilaian	
3	Teknologi Maklumat	

4	Pengajian Kurikulum	Jasmani Pendidikan Seni Sains Biologi,
5	Sosiologi Pendidikan	

4. **PENDAFTARAN*** baharu

- 4.1 Pelajar perlu mendaftar sebagai pelajar baru di Institut Pengajian Siswazah (IPS) dengan segera selepas mendapat surat kelulusan dari Unit Cuti Belajar.
- 4.2 Salinan surat pengesahan sebagai pelajar perlu diserahkan kepada Unit Cuti Belajar untuk rekod dalam tempoh lima (5) hari selepas mendaftar.
- 4.3 Pembayaran elaun dan tempoh tajaan akan bermula pada tarikh pendaftaran pelajar yang tertera di surat pengesahan pelajar yang dikeluarkan oleh IPS.
- 4.4 Yuran pengajian hanya akan ditaja untuk tempoh empat (4) semester sahaja.

5. **TEMPOH PENAJAAN*** baharu

Tempoh penajaan maksimum adalah 24 bulan dan tiada tempoh pelanjutan yang diberikan. Pelajar perlu menanggung sendiri yuran pengajian selepas tamat tempoh tajaan.

6. **KEMUDAHAN**

- 5.1 Kemudahan yang diberikan adalah seperti berikut:
 - i) Pembiayaan yuran pengajian
 - ii) Elaun sara hidup berjumlah RM1,500.00 sebulan.
- 5.2 Kemudahan kolej kediaman boleh dipertimbangkan sekiranya ada kekosongan. Walau bagaimanapun pelajar tidak layak untuk mendapat elaun penginapan.
- 5.3 Pelajar yang telah memulakan pengajian sebelum ditawarkan di bawah skim ini tidak akan dibayar semula bayaran yuran yang telah dibayar. Elaun bulanan juga tidak akan dibayar secara *backdated*.

7. **LATIHAN DALAM TEMPOH PENGAJIAN**

Dalam tempoh tajaan pelajar **wajib**:

- i) menjadi Pembantu Pensyarah (*Teaching Assistant*) bagi mana-mana kursus program Diploma/Sarjana Muda (3-6 kursus ber kredit). (Sepanjang tempoh tajaan)
- ii) salinan surat lantikan sebagai Pembantu Pensyarah perlu diserahkan ke Unit Cuti Belajar dalam tempoh 30 hari selepas mendapat elaun sara hidup yang pertama.
* baharu
- iii) Elaun sara hidup / bulan akan dihentikan jika tidak menyerahkan salinan surat ini kepada Unit Cuti Belajar.

8. PELAN PENGAJIAN* **baharu**

Cadangan pelan pengajian pelajar adalah seperti berikut:

Semester 1 (6 bulan)	Pendaftaran Kursus Tesis
	Perjumpaan dengan penyelia
	Pendaftaran Kursus Kaedah Penyelidikan
	Menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah
	Menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) sesi pembentangan cadangan penyelidikan.
	Menghadiri bengkel anjuran IPS seperti: 'How to Write a Good Proposal and Thesis' 'Literature Review' 'Research Methodology (Qualitative)' 'Research Methodology (Quantitative)' 'MS Word for Thesis and Mendeley'
	Pembentangan Cadangan Penyelidikan
Semester 2 (6 bulan)	Pendaftaran Kursus Tesis
	Perjumpaan bersama Penyelia
	Menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah
	Menghadiri bengkel anjuran IPS seperti: 'AMOS/SEM (Quantitative)' 'NVIVO (Quantitative)' 'SPSS - Beginner' 'SPSS - Intermediate' 'Design and Development Research' 'Journal Writing and Publication' 'Population, Sampling and Instrumentation'
	Penulisan Tesis
Semester 3 (6 bulan)	Menghadiri bengkel anjuran IPS seperti: 'Surviving Viva' 'Writing Abstract'
	Menghantar Disertasi/Tesis untuk semakan pemeriksaan
	Peperiksaan Lisan (Viva)
Semester 4 (6 bulan, tempoh tambahan tanpa tajaan)	Pembetulan Disertasi/Tesis
	Penyerahan Disertasi/Tesis Akhir (selepas pembetulan)
	Perakuan Senat untuk Bergraduat

9. PEMBENTANGAN CADANGAN PENYELIDIKAN* **baharu**

- 8.1 Pelajar perlu membuat cadangan penyelidikan sebelum semester pertama berakhir.
- 8.2 Salinan keputusan pembentangan cadangan penyelidikan perlu diserahkan kepada Unit Cuti Belajar sebelum semester kedua bermula.
- 8.3 Kegagalan pelajar membuat pembentangan cadangan penyelidikan pada semester yang ditetapkan akan mengakibatkan elaun bulanan / sara hidup tidak akan dibayar sehingga pembentangan dilaksanakan. Elaun bulanan/ sara hidup yang diberhentikan pada tempoh tersebut tidak akan dibayar secara *backdated* dan akan berkurangan dari tempoh 18 bulan yang dinyatakan dan ditandatangani dalam surat perjanjian.

10. LAPORAN KEMAJUAN SISWAZAH/KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

Pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Pengajian Siswazah/slip keputusan peperiksaan setiap 6 bulan sekali ke Unit Cuti Belajar melalui Fakulti. Yuran pengajian dan elaun sara hidup boleh ditahan/ditarik balik sekiranya status laporan kemajuan/keputusan peperiksaan gagal menunjukkan prestasi yang baik dan tidak dihantar* *baharu* ke Unit Cuti Belajar sebelum semester bermula.

11. TEMPOH UNTUK MENAMATKAN PENGAJIAN

Pelajar diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lapor diri untuk menamatkan pengajian dengan jayanya (Pengesahan Senat Universiti). **Tempoh ini tidak termasuk tempoh pemeriksaan disertasi oleh pihak Institut Pengajian Siswazah.** Tempoh akan dibekukan sehingga sesi viva diadakan dan pembetulan disertasi dibuat oleh pelajar. Kegagalan menamatkan pengajian dalam tempoh tersebut akan mengakibatkan tindakan tuntutan ganti rugi dimulakan.

12. TAMAT PENGAJIAN

Pelajar yang telah menamatkan pengajian perlu mengisi borang tamat pengajian dan menyerahkan satu salinan surat Tamat Pengajian melalui Fakulti ke Unit Cuti Belajar.

13. PERJANJIAN

Pelajar adalah dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian mengikut pengajian. Sekiranya pelajar tidak menandatangani perjanjian dalam tempoh yang ditetapkan, maka tawaran biasiswa akan ditarik balik.

14. URUSAN PERMOHONAN

Pelajar yang ingin memohon perlu mengisi borang permohonan yang terdapat di laman web Bahagian Sumber Manusia (Borang Permohonan Skim Pelajar Holistik UPSI).

15. PENAWARAN LANTIKAN PERJAWATAN SETELAH TAMAT PENGAJIAN* *baharu*

Sekiranya Universiti tidak memerlukan perkhidmatan Pelajar selepas Pelajar menamatkan pengajiannya, Universiti boleh melepaskan Pelajar tanpa memerlukan Pelajar berkhidmat dengan Universiti dan Pelajar mengakui bahawa Pelajar tidak akan mempunyai sebarang hak atau tuntutan terhadap Universiti.

Diluluskan dalam:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 6/2018 bertarikh 4 Mei 2018
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil 17/2018 bertarikh 27 Disember 2018
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil 05/2019 bertarikh 18 April 2019
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil 06/2019 bertarikh 13 Mei 2019
- v. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil 13/2020 bertarikh 11 Disember 2020
- vi. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil 06/2023 bertarikh 10 April 2023
- vii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil 02/2025 bertarikh 27 Januari 2025

